

**Pentadbiran dan Pengurusan Sistem Pendidikan Malaysia  
Ke Arah Pendidikan Berkualiti**

Oleh:

Dr. Jamil Ahmad

Universiti Kebangsaan Malaysia

dan

Norlia Goolamally

Open University Malaysia

**ABSTRAK**

*Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia menghadapi cabaran dan tekanan besar dalam mendepani persaingan abad ke-21. Menjelang tahun 2020, Malaysia berhasrat menjadi sebuah negara maju mengikut acuan sendiri, iaitu mencapai kemajuan seimbang daripada segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian dan kebudayaan. Malaysia berhasrat menjadi sebuah negara yang masyarakatnya bersatu padu dan mempunyai keyakinan yang tinggi, berpegang teguh kepada nilai agama, moral dan etika serta menikmati kehidupan yang demokratik, liberal dan bertolak ansur, perkongsian ekonomi yang adil dan saksama, progresif dan makmur, serta menguasai ekonomi yang mampu bersaing, dinamik, tangkas serta berdaya tahan. Dalam usaha mencapai matlamat tersebut, Malaysia telah melakukan satu anjakan besar untuk membangunkan satu sistem pendidikan yang berkualiti. Sistem pendidikan Malaysia diterajui oleh dua kementerian iaitu Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang bertanggungjawab dalam pentadbiran dan pengurusan sistem pendidikan kebangsaan di peringkat sekolah yang meliputi pendidikan prasekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah dan pendidikan lepasan menengah; dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang bertanggungjawab ke atas Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Dalam usaha memantap dan meningkatkan kualiti sistem pendidikan kebangsaan di peringkat sekolah, KPM telah merangka dan melaksanakan satu perancangan strategik iaitu Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang memberikan fokus kepada enam teras strategik iaitu membina negara bangsa, membangunkan modal insan, memperkasakan sekolah kebangsaan, merapatkan jurang pendidikan, memartabatkan profesion keguruan dan melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan. Selaras dengan itu KPT juga telah menyediakan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi ke arah meningkatkan daya saing Malaysia di peringkat global melalui penyampaian pendidikan dan latihan yang berkualiti, berkesan, relevan dan mempunyai komitmen yang tinggi kepada pembelajaran sepanjang hayat dengan membangunkan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) melalui dua pendekatan iaitu pendidikan dan latihan yang berjalan secara bersepadu. Pertama, memperkukuh pembelajaran yang berteraskan pengetahuan, menjalankan penyelidikan yang memberi impak kepada dunia akademia-industri menerusi konsep elitis serta memberikan perkhidmatan kepada masyarakat yang berterusan. Kedua, membuka laluan pengajian tinggi yang bersifat terbuka dan sepanjang hayat melalui institusi pengajian seperti universiti terbuka, politeknik, dan kolej komuniti. Selain daripada IPTA, IPTS seperti Open University Malaysia juga telah berkembang pesat dan memainkan peranan yang penting dan merupakan supplementary dan complementary kepada institusi pendidikan di Malaysia.*

## 1.0 PENGENALAN

Sejarah pendidikan tidak formal negara Malaysia bermula sejak tertubuhnya kerajaan Kesultanan Melayu Melaka. Dalam tempoh beberapa abad, pendidikan di Malaysia telah mengalami perubahan demi perubahan dan setiap perubahan mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Secara amnya, perubahan pendidikan ini mengikut kehendak masyarakat pada masa itu contohnya di zaman Kerajaan Melayu Melaka di mana masyarakat Melayu telah berubah daripada zaman hindu kepada zaman kegemilangan Islam. Zaman pemerintahan Portugis sekitar tahun 1511 sehingga tahun 1641 dan Belanda tidak banyak membawa perubahan terutamanya dalam bidang pendidikan kepada penduduk peribumi sehingga kedatangan Inggeris pada tahun 1786. Inggeris telah memulakan era baru dalam bidang pendidikan kepada anak peribumi waktu itu. Walau bagaimanapun kejayaan tentera Jepun menawan Tanah Melayu pada tahun 1941 dan memerintah sehingga tahun 1945 telah membantutkan perkembangan pendidikan Malaysia. Pada tahun 1946 Tanah Melayu telah diambil alih oleh kerajaan Inggeris sekali lagi, dan Inggeris mula mencorak pendidikan di tanah jajahannya sehingga pada 31 Ogos 1957 apabila negara Tanah Melayu mendapat kemerdekaan daripada penjajah Inggeris.

Selepas Kemerdekaan, Malaysia terus melangkah untuk membina sistem pendidikan negara yang beracuan Malaysia. Misi dan Matlamat dibina untuk mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat, masyarakat yang saintifik dan progresif, masyarakat yang mempunyai daya perubahan yang tinggi dan memandang ke hadapan, yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga menyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan.

## 2.0 HALA TUJU SISTEM PENDIDIKAN MALAYSIA

Pada awal abad ke-21, beberapa perubahan dan perkembangan dalam sistem pendidikan Malaysia telah berlaku disebabkan oleh cabaran yang dihadapi akibat kesan globalisasi, liberalisasi, dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi. Cabaran negara Malaysia waktu ini adalah untuk membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan atau K-ekonomi bagi menghadapi persaingan dengan negara lain. Ini menuntut negara Malaysia membangunkan sumber tenaga manusia yang berketerampilan tinggi dalam pelbagai bidang dan berdaya saing. Sejak tahun 2004, sistem pendidikan Malaysia diterajui oleh dua kementerian iaitu Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang bertanggungjawab dalam pentadbiran dan pengurusan sistem pendidikan kebangsaan di peringkat *primary* dan *secondary* iaitu di peringkat sekolah yang meliputi pendidikan prasekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah dan pendidikan lepasan menengah; dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang bertanggungjawab ke atas pendidikan peringkat *tertiary* iaitu pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Dalam menentukan hala tuju sistem pendidikan, KPM telah menggubal misi pendidikan sebagai fokus yang ingin dicapai dalam mengangkat martabat Malaysia dalam dunia global. Misi pendidikan Malaysia ialah;

*Membangunkan sistem pendidikan yang berkualiti bertaraf dunia bagi memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan memenuhi aspirasi negara Malaysia.*

*Misi Pendidikan Malaysia*

Selaras dengan misi tersebut Malaysia telah menetapkan matlamat pendidikan negara bagi;

- *Melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia dan bersatu padu.*
- *Melahirkan insan yang beriman, berakhlak mulia, berilmu, berketerampilan dan sejahtera.*
- *Menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan kemajuan negara, dan*
- *Memberi peluang-peluang pendidikan kepada semua warganegara Malaysia.*

*Matlamat Pendidikan Malaysia*

Bagi mencapai matlamat tersebut, sistem pendidikan Malaysia adalah bertunjangkan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu;

*Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.*

*Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)*

### **3.0 HARAPAN, ASPIRASI DAN HALA TUJU PENDIDIKAN MALAYSIA**

Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia menghadapi cabaran dan tekanan besar dalam mendepani persaingan abad ke-21. Menjelang tahun 2020, Malaysia berhasrat menjadi sebuah negara maju mengikut acuan sendiri, iaitu mencapai kemajuan seimbang daripada segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian dan kebudayaan. Malaysia berhasrat menjadi sebuah negara yang masyarakatnya bersatu padu dan mempunyai keyakinan diri yang tinggi, berpegang teguh kepada nilai agama, moral dan etika serta menikmati kehidupan yang demokratik, liberal dan bertolak ansur, perkongsian ekonomi yang adil dan saksama, progresif dan makmur, serta menguasai ekonomi yang mampu bersaing, dinamik, tangkas serta berdaya tahan.

Malaysia kini berada pada peringkat pertengahan dan sedang memasuki fasa 15 tahun yang kedua ke arah mencapai Wawasan 2020. Sepanjang fasa 15 tahun pertama, banyak kemajuan telah dicapai dalam pelbagai bidang. Namun, perubahan pesat dunia hari ini menuntut Malaysia untuk segera berubah agar mampu melonjak ke tahap maju. Fasa tersebut juga telah menyetengahkan bidang pendidikan yang masih memerlukan penambahbaikan dan perhatian khusus agar dapat melakukan lonjakan terakhir untuk mencapai status negara maju yang dicita-citakan dalam Wawasan 2020.

Dalam usaha mencapai negara maju, pembentukan Negara Bangsa menjadi semakin mencabar terutama dalam era globalisasi. Globalisasi bukan sahaja berkuasa menggerakkan modal, barangan dan manusia, tetapi juga berupaya mengubah gagasan, budaya, nilai dan jati diri secara transnasional. Gagasan, budaya, nilai dan jati diri sesebuah Negara Bangsa akan lenyap begitu sahaja sekiranya bangsa tersebut lalai dan menerima sewenang-wenangnya segala yang dibawa oleh arus globalisasi. Pembentukan Negara Bangsa Malaysia yang maju dan bersatu padu bukan sahaja perlu berasaskan ekonomi yang berdaya tahan tetapi juga kepada pengagihan kekayaan yang lebih adil dan saksama. Di samping pertumbuhan dan kedinamikan ekonomi yang perlu dicapai, ketidakseimbangan peluang ekonomi dan sumber pendapatan tidak harus dibiarkan berlarutan sehingga menggugat pembangunan negara.

Justeru, Malaysia berazam dan berusaha untuk menjadi sebuah negara maju yang teguh, bersatu dan kekal utuh walaupun menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan. Sehubungan itu, Malaysia telah memperkenalkan rangka kerja pelaksanaan baru, iaitu MISI NASIONAL bagi mencapai wawasan dan matlamat negara dalam jangka masa 15 tahun akan datang. Misi Nasional memberikan penekanan tinggi ke atas pembangunan modal insan 'minda kelas pertama' dan bina upaya sebagai pendekatan utama bagi melonjak ke status negara maju. Bagi mencapai prestasi yang tinggi dan impak maksimum daripada pembangunan nasional, Misi Nasional telah menggariskan lima teras utama iaitu;

<b>Teras Misi Nasional</b>	
Teras 1	Meningkatkan ekonomi dalam rangkaian nilai lebih tinggi
Teras 2	Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk 'minda kelas pertama'
Teras 3	Menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif
Teras 4	Meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup
Teras 5	Mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan

Peranan pendidikan amat penting dalam menjayakan kelima-lima teras Misi Nasional. Dua daripada lima teras tersebut, teras kedua dan teras ketiga, menyatakan peranan pendidikan secara langsung.

**Teras 2: Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama'**

- Melaksanakan penambahbaikan secara komprehensif ke atas sistem penyampaian pendidikan dan latihan;
- Memperkasakan sekolah kebangsaan untuk menjadi sekolah pilihan utama rakyat Malaysia;
- Merapatkan jurang prestasi antara sekolah di luar bandar dengan sekolah di bandar;
- Menyediakan lebih banyak peluang dan akses kepada pendidikan berkualiti, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat di semua peringkat;
- Membina masyarakat yang inovatif dengan keupayaan Sains dan Teknologi (S&T) yang kukuh;
- Memperkukuh perpaduan nasional dan membangunkan masyarakat yang mempunyai perspektif progresif dan sistem nilai yang boleh diteladani; dan
- Memperluas forum perbincangan antara kerajaan, sektor swasta, ibu bapa dan masyarakat dalam pembangunan modal insan.

**Teras 3: Menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif**

- Meningkatkan bahagian pendapatan bagi kumpulan isi rumah 40 peratus terendah dengan meningkatkan produktiviti menerusi pembangunan modal insan;
- Mengurangkan jurang antara penduduk luar bandar dengan bandar, antara negeri dan antara wilayah melalui penjanaaan pendapatan yang mampan dan penambahbaikan akses terhadap keperluan asas serta pendidikan;
- Merapatkan jurang digital antara sekolah bandar dan luar bandar; dan
- Memperluas akses kepada program pendidikan dan latihan bagi meningkatkan bilangan pengurus dan profesional Bumiputera, terutama dalam sektor swasta.

Pelan Pembangunan Pendidikan 2000-2010 adalah merupakan agenda utama KPM adalah untuk membangunkan Sistem Pendidikan Kebangsaan. Melalui pelan pembangunan pendidikan ini, KPM berharap dapat memastikan setiap warga negara Malaysia memperoleh peluang pendidikan yang sama, memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, meningkatkan kreativiti dan inovasi pelajar, meningkatkan budaya ilmu, membudayakan sains dan teknologi, pembelajaran sepanjang hayat, menyediakan sistem pendidikan yang lebih cekap, berkesan dan bertaraf dunia, menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan, serta meningkatkan martabat pendidikan di Malaysia pada peringkat antarabangsa. Empat teras utama yang diambil kira dalam pelaksanaan pembangunan pendidikan ialah;

- meningkatkan akses kepada pendidikan;
- meningkatkan ekuiti dalam pendidikan;
- meningkatkan kualiti pendidikan; dan
- meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan pendidikan.

Berdasarkan analisis 15 tahun pertama, KPM telah mengenal pasti beberapa jurang dan cabaran yang perlu ditangani bagi memastikan wawasan negara dapat dicapai menjelang tahun 2020. Dalam tempoh 15 tahun yang akan datang, KPM berhasrat untuk:

- membangunkan modal insan dengan ciri-ciri individu dan masyarakat Bangsa Malaysia yang maju;
- memastikan akses, ekuiti dan kualiti yang menjadi tunjang agenda pendidikan dapat diteruskan; dan
- merintis dan menerajui perubahan demi melonjakkan sistem dan institusi pendidikan ke tahap dunia pada tahun 2020.

Justeru, KPM telah merangka Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) KPM 2006-2010 yang akan menjadi garis panduan pembangunan pendidikan negara secara menyeluruh sepanjang tempoh 5 tahun dalam Rancangan Malaysia Ke-9. PIPP merupakan satu dokumen perancangan pembangunan pendidikan yang bersepadu, komprehensif dan menyeluruh yang meliputi tiga aspek utama iaitu infrastruktur, pengisian dan tenaga manusia. Matlamat PIPP adalah untuk menghasilkan pendidikan berkualiti untuk semua. Bagi memastikan matlamat ini dapat dicapai, dua pendekatan utama telah dikenal pasti iaitu:

- Dalam pendekatan pertama, komitmen KPM adalah untuk memastikan rakyat mendapat peluang pendidikan yang adil dan saksama tanpa mengira lokasi, kaum ataupun daripada kelompok kurang upaya, Orang Asli dan suku minoriti lain. KPM akan memastikan semua pelajar menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) dan tidak ada pelajar yang tercicir dari sistem pendidikan akibat kemiskinan, berada di kawasan luar bandar atau pedalaman. Peluasan ke semua jenis sekolah dan lokasi akan ditingkatkan untuk memastikan semua pelajar mendapat akses ICT khususnya capaian kepada internet.
- Dalam pendekatan kedua, komitmen KPM adalah untuk memberi perhatian khusus ke atas sekolah yang telah mencapai tahap cemerlang untuk memastikan bukan sahaja ia dapat mempertahankan kecemerlangan malah mampu mempertingkatkan ke tahap yang lebih tinggi. KPM akan mengenal pasti sekolah-sekolah dalam kluster Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Premier, Sekolah Menengah Teknik (SMT), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah 100 tahun (*Centennial*), Sekolah Bestari serta sekolah-sekolah Putrajaya dan Cyberjaya. Seterusnya, KPM akan memperkenalkan pelbagai program yang dapat membantu meningkatkan lagi kelebihan, kekuatan dan daya saing sekolah-sekolah dalam kluster ini.

Enam teras strategik PIPP telah dikenal pasti untuk memperkukuh sistem pendidikan negara iaitu;

- **Teras Pertama: Membina Negara Bangsa**  
Memberi fokus kepada pembinaan Negara Bangsa melalui pendidikan. KPM berhasrat untuk membangunkan warganegara dari awal persekolahan dengan ciri-ciri global, patriotik dan cintakan negara serta menyanjung dan menjunjung warisan budaya dan kesenian bangsa. Hasrat membina Negara Bangsa ini akan dicapai dengan memperkasakan Bahasa Melayu, meningkatkan disiplin pelajar, menggiatkan

Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) serta menggiatkan aktiviti kokurikulum dan sukan bagi membina jati diri serta menerapkan budi bahasa dan adab di kalangan pelajar.

- **Teras Kedua: Membangunkan Modal Insan**

Dalam usaha membangunkan modal insan KPM memberi tumpuan kepada sistem nilai, aspek disiplin, sahsiah, akhlak dan jati diri pelajar. Teras ini juga berhasrat melahirkan pelajar yang kompeten dalam Sains dan Teknologi, inovatif dan kreatif serta kebolehpasaran. KPM akan menyediakan sistem pentaksiran dan penilaian holistik, membina disiplin pelajar serta memberi penekanan kepada kebersihan, kesihatan dan keselamatan.

- **Teras ketiga: Memperkasakan Sekolah Kebangsaan**

KPM akan memperkasakan sekolah kebangsaan (rendah dan menengah) supaya sekolah-sekolah tersebut menjadi sekolah pilihan utama masyarakat. Sehubungan itu, sekolah kebangsaan akan dilengkapkan kemudahan asas pendidikan yang mencukupi dan berkualiti, bekalan elektrik dan air bersih serta kemudahan ICT. Sekolah juga akan dibekalkan guru terlatih yang mencukupi mengikut opsyen serta bilangan staf sokongan mengikut keperluan.

- **Teras keempat: Merapatkan Jurang Pendidikan**

Penekanan dalam merapatkan jurang pendidikan antara lokasi, jenis sekolah, kaum, jantina, tahap sosioekonomi dan tahap keupayaan pelajar adalah untuk mengurangkan perbezaan daripada segi penyediaan kemudahan fizikal dan bukan fizikal, prestasi dan pencapaian pelajar serta keciciran. Justeru, KPM akan membangunkan infrastruktur dan kemudahan pendidikan khususnya di luar bandar Sabah dan Sarawak dan memastikan semua sekolah mempunyai prasarana mengikut standard minimum. KPM juga akan memperbanyak bantuan kepada pelajar miskin, berkeperluan khas dan kumpulan minoriti, mengurangkan jurang digital dan menempatkan guru terlatih yang mencukupi mengikut opsyen di kawasan luar bandar dan pedalaman.

- **Teras Kelima: Memartabatkan Profesion Keguruan**


Usaha memartabatkan profesion keguruan adalah bagi memastikan profesion ini dihormati dan dipandang tinggi sesuai dengan amanah yang dipertanggungjawabkan dalam pembinaan generasi masa depan. KPM menaik taraf Maktab Perguruan kepada Institut Pendidikan Guru untuk meningkatkan kelayakan guru ke peringkat ijazah. KPM juga akan menambah baik sistem pemilihan calon guru, perjawatan, penempatan dan kebajikan guru.

- **Teras Keenam: Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan**

Usaha melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan adalah dengan membentuk kluster kecemerlangan sekolah berasaskan akademik, kokurikulum dan sukan atau bidang-bidang khusus (*niche areas*). Sekolah-sekolah terpilih dalam kluster ini akan dirangkaikan dengan institusi ternama tempatan dan luar negara, menawarkan pelbagai peperiksaan peringkat antarabangsa seperti *International Baccalaureate* dan

menjadi sekolah contoh. Sekolah-sekolah yang dikenal pasti daripada kluster ini akan dijadikan penanda aras dan *showcase* pada peringkat antarabangsa selaras dengan usaha membangunkan sistem pendidikan berkualiti dan bertaraf dunia.

Kerangka Pelan Pembangunan Pendidikan 2006-2010 Kementerian Pelajaran Malaysia boleh diringkaskan seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1. Kerangka Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (PIPP) Kementerian Pelajaran Malaysia




#### 4.0 SISTEM PENDIDIKAN MALAYSIA

Sistem Pendidikan Kebangsaan Malaysia di peringkat sekolah di bawah Kategori Institusi Pendidikan Kerajaan terdiri daripada:-


- Pendidikan Prasekolah
- Pendidikan Rendah
- Pendidikan Menengah
- Pendidikan Lepas Menengah

Sistem persekolahan di Malaysia dapat diringkaskan seperti dalam Rajah 2 dan 3 di bawah.



Rajah 2: Sistem Persekolahan Di Malaysia

### STRUKTUR SISTEM PENDIDIKAN DI MALAYSIA



**(a) Pendidikan Prasekolah**

Pendidikan prasekolah bertujuan untuk menyediakan kanak-kanak dengan asas sosialisasi yang kukuh sebelum mendapatkan pendidikan formal. Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KPK) digubal dalam tahun 2003 membolehkan kanak-kanak berumur 5+ tahun memperoleh asas yang kukuh dalam komunikasi, sosial dan kemahiran-kemahiran lain sebagai persediaan ke sekolah rendah. Semua kelas prasekolah sama ada anjuran Kementerian, agensi kerajaan seperti KEMAS, Jabatan Perpaduan Negara dan kelas-kelas anjuran pihak swasta digalakkan menggunakan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan.

**(b) Pendidikan Rendah**

Pendidikan di peringkat rendah bermula apabila kanak-kanak mencapai umur 6+ dan mengambil masa lima hingga tujuh tahun. Sebagai sebuah negara yang penduduknya berbilang kaum, pendidikan rendah terdiri daripada dua jenis sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK Cina, dan SJK Tamil). Sekolah Kebangsaan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar manakala Sekolah Jenis Kebangsaan menggunakan bahasa Mandarin dan Tamil sebagai bahasa pengantar.

Pendidikan peringkat ini merupakan pendidikan yang menyeluruh dan bersepadu dari segi struktur, pendekatan dan bahan pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan kurikulum yang dikenali sebagai Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). Ini adalah untuk membolehkan perkembangan yang menyeluruh dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani kanak-kanak.

Kurikulum peringkat rendah dibahagikan kepada dua tahap. Tahap I bermula pada Tahun 1 hingga Tahun 3 yang menekankan penguasaan kemahiran asas 3M serta memupuk nilai dan bakat. Tahap II bermula pada Tahun 4 hingga Tahun 6, penekanan diberi kepada pengukuhan kemahiran asas 3M, pemupukan sikap, nilai dan bakat, penguasaan ilmu serta kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis. Kemahiran membaca dan menulis dalam Jawi juga diberi penekanan. Di akhir Tahap II murid-murid akan menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) untuk mentafsir prestasi murid-murid dalam bidang akademik.

**(c) Pendidikan Menengah**

Pendidikan peringkat menengah menawarkan program pendidikan yang komprehensif dan berkualiti kepada warganegara Malaysia yang berusia 12+ tahun hingga 17+ tahun dengan menggunakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).

**i. Pendidikan Peringkat Menengah Rendah**

Pendidikan peringkat menengah rendah bermula dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3. Pelajar dari sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil yang tidak mencapai keputusan memuaskan dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah akan menduduki Kelas Peralihan yang bertujuan bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu yang menjadi bahasa pengantar di sekolah menengah. Mulai tahun 2003, pengajaran mata

pelajaran Sains dan Matematik di ajar menggunakan Bahasa Inggeris sebagai persediaan ke arah persangan global.

Mata pelajaran yang diajar di sekolah menengah rendah meliputi Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam (pelajar Islam), Pendidikan Moral (pelajar bukan Islam), Matematik, Sains, Geografi, Sejarah, Kemahiran Hidup, Pendidikan Seni, Pendidikan Muzik, Pendidikan Jasmani, Pendidikan Kesihatan dan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. Pelajar akan menduduki Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) di akhir persekolahan menengah rendah.

#### **ii. Pendidikan Peringkat Menengah Atas**

Bermula di Tingkatan 4 hingga Tingkatan 5 yang menawarkan mata pelajaran pengkhususan kepada pelajar berdasarkan keputusan PMR. Malaysia mengamalkan dasar kenaikan automatik ke tingkatan 4 di mana pelajar boleh menduduki tingkatan 4 tanpa mengambil kira keputusan PMR. Ini bertujuan untuk memastikan pelajar berada dalam sistem pendidikan selama 11 tahun bagi membolehkan mereka menguasai kemahiran dalam bidang tertentu sebagai persediaan ke alam pekerjaan. Pelajar sekolah menengah boleh mengikuti pelajaran di Sekolah Menengah Akademik, Sekolah Menengah Teknik, Sekolah Menengah Agama, Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Sukan.

Berdasarkan pilihan dan kelayakan, pelajar boleh memilih untuk mengikuti pengajian sama ada dalam aliran sastera, sains, teknikal atau agama. Semua pelajar dari sekolah menengah sama ada akademik, teknik, vokasional, agama serta pendidikan khas akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Pensijilan Terbuka.

#### **(d) Pendidikan Lepas Menengah**

Pelajar Lulusan SPM yang dapat memenuhi syarat tertentu, berpeluang melanjutkan pelajaran ke Tingkatan Enam di Sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan. Pada akhir tempoh dua tahun, pelajar akan menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke Universiti.

Pelajar yang mendapat keputusan cemerlang yang memenuhi syarat berpeluang mengikuti program Matrikulasi iaitu program persediaan untuk melayakkan mereka mengikuti kursus peringkat ijazah dalam bidang Sains, Teknologi dan Perakaunan di Universiti awam.

## 5.0 PENCAPAIAN PENDIDIKAN

Pembangunan pendidikan dari Zaman Dasar Pembangunan Negara hingga ke Zaman Dasar Wawasan Negara telah berjaya mencapai banyak kemajuan khususnya dalam penyediaan infrastruktur, kemudahan pendidikan dan latihan perguruan. Strategi meningkatkan peluang pendidikan berjaya mencapai sasarannya. Walau bagaimanapun, KPM sentiasa peka dan prihatin kepada perubahan yang berlaku dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan dan menghasilkan modal insan beracuan sendiri. Pencapaian penyediaan pendidikan dapat diperhatikan seperti di bawah (Jadual 1a-1d):

### a. Prasekolah

- Bilangan sekolah KPM yang menawarkan prasekolah bertambah 2,156 (190.6%) daripada 1,131 pada tahun 1992 kepada 3,287 pada tahun 2005.
- Enrolmen bertambah 259.1 peratus, daripada 26,000 pada tahun 1992 kepada 93,376 pada tahun 2005.
- Bilangan kelas prasekolah yang disediakan oleh KEMAS adalah sebanyak 8,307, Jabatan Perpaduan Negara 1,500 kelas, Jabatan Agama Islam Negeri 962 kelas, ABIM 788 kelas dan pihak swasta 11,000 kelas.
- Bagi memastikan kualiti prasekolah yang disediakan, Kurikulum Prasekolah Kebangsaan diperkenalkan pada tahun 2003 dan diwajibkan penggunaannya di semua prasekolah KPM dan swasta.

### b. Sekolah Rendah

- Bilangan sekolah rendah bertambah 773 (11.3%) buah, daripada 6,828 pada tahun 1990 kepada 7,601 pada tahun 2005. Pecahan mengikut lokasi dan jenis sekolah pada tahun 2005:
  - 33.2 peratus sekolah terletak di bandar dan 66.8 peratus di luar bandar.
  - 29.4 peratus SK di bandar dan 70.6 peratus di luar bandar.
  - 49.5 peratus SJKC di bandar dan 50.5 peratus di luar bandar.
  - 32.2 peratus SJKT di bandar dan 67.8 peratus di luar bandar.
  - Bilangan Sekolah Kurang Murid (enrolmen kurang daripada 150) berjumlah 2,529 atau 33.3 peratus daripada jumlah sekolah rendah pada tahun 2005 yang mana 89.4 peratus daripadanya terletak di luar bandar.
- Enrolmen bertambah 28.2 peratus, daripada 2.45 juta (1990) kepada 3.14 juta (2005).
- Bilangan guru sekolah rendah bertambah 58.6 peratus, daripada 120,025 (1990) kepada 190,336 (2005).

### c. Sekolah Menengah

- Bilangan sekolah menengah bertambah 701 (52.8%) buah, daripada 1,327 pada tahun 1990 kepada 2,028 pada tahun 2005.
- 60.9 peratus sekolah menengah ini terletak di bandar dan 39.1 peratus di luar bandar pada tahun 2005.
- Enrolmen bertambah 62.4 peratus, daripada 1.37 juta (1990) kepada 2.22 juta (2005).

- Bilangan guru sekolah menengah bertambah 88.5 peratus, daripada 72,455 (1990) kepada 136,598 (2005).

**d. Sekolah Swasta**

- Sekolah rendah dan menengah swasta, termasuk sekolah antarabangsa dan ekspatriat bertambah 165 (132.0%) buah, daripada 125 pada tahun 1990 kepada 290 pada tahun 2005.
- Enrolmen bertambah 67.1 peratus daripada 62,229 (1990) kepada 104,009 (2005).

**e. Sekolah Agama Bantuan Kerajaan**

- Sebanyak 17 sekolah rendah dan 77 sekolah menengah agama rakyat telah mendaftar di bawah KPM sebagai sekolah agama bantuan kerajaan pada tahun 2005.
- Enrolmen sekolah rendah sebanyak 2,702 dan sekolah menengah 23,321 pada tahun 2005.

**Jadual 1a: Bilangan PraSekolah, Enrolmen dan Guru 1990 – 2005**

Perkara	1990	1995	2000	2005		Jumlah
	Jumlah	Jumlah	Jumlah	Bandar	Luar Bandar	
<b>PRASEKOLAH</b>						
<b>Bilangan Sekolah</b>						
KPM (Bilangan Kelas)	1,131 (1,131)*	1,131 (1,131)	1,053 (1,116)	1,055 (1,399)	2,232 (2,605)	3,287 (4,004)
Tadika & Prasekolah Agensi Kerajaan Lain dan Swasta (Bilangan kelas)	6,033	8,683 (12,906)	10,884 (11,124)	–	–	13,052 (22,557)
<b>Enrolmen</b>						
KPM	26,000*	27,883	26,718	31,970	61,406	93,376
Agensi Kerajaan Lain dan Swasta	328,813	431,132	777,283	–	–	610,714
<b>Bilangan Guru</b>						
KPM	1,131	1,131	1,116	1,399	2,605	4,004
Agensi Kerajaan Lain dan Swasta	10,773	15,188	34,424	–	–	30,658
*Data tahun 1992						

**Jadual 1b: Bilangan Sekolah Peringkat Rendah, Enrolmen dan Guru 1990 – 2005**

Perkara	1990	1995	2000	2005		Jumlah
	Jumlah	Jumlah	Jumlah	Bandar	Luar Bandar	
<b>PERINGKAT RENDAH</b>						
<b>Bilangan Sekolah</b>	6,828	6,993	7,231	2,524	5,077	7,601
SK	4,994	5,141	5,393	1,694	4,067	5,761
SJKC	1,288*	1,288	1,284	637	650	1,287
SJKT	538*	538	526	169	356	525
Khas	–	26	28	24	4	28
<b>Sekolah Kurang Murid**</b>	–	2,349	2,403	268	2,261	2,529
SK (SKM)	–	1,527	1,542	74	1,568	1,642
SJKC (SKM)	–	490	503	115	415	530
SJKT (SKM)	–	309	330	55	274	329
Khas (SKM)	–	23	28	24	4	28
* Termasuk sekolah tidak beroperasi						
** SKM mempunyai enrolmen <150. Data SKM termasuk dalam bilangan Sekolah Rendah						
<b>Enrolmen</b>	2,447,206c	2,827,627	2,933,877	1,757,795	1,379,485	3,137,280
SK	1,770,004	2,126,123	2,219,252	1,200,466	1,190,757	2,391,223
SJKC	581,082	596,341	623,343	501,922	143,747	645,669
SJKT	96,120	102,776	89,175	53,824	44,755	98,579
Khas	–	2,387	2,107	1,583	226	1,809
<b>Bilangan Guru</b>	120,025	140,430	153,767	95,932	94,404	190,336
SK	88,708	107,760	120,396	68,566	81,286	149,852
SJKC	25,475	26,028	26,949	23,563	9,415	32,978
SJKT	5,842	6,165	5,927	3,316	3,625	6,941
Khas	–	477	495	487	78	565

**Jadual 1c: Bilangan Sekolah Peringkat Menengah, Enrolmen dan Guru 1990 – 2005**

Perkara	1990	1995	2000	2005		Jumlah
	Jumlah	Jumlah	Jumlah	Bandar	Luar Bandar	
<b>PERINGKAT MENENGAH</b>						
<b>Bilangan Sekolah</b>	1,327	1,464	1,645	1,236	792	2,028
Harian	1,194	1,319	1,465	1,091	732	1,823
Asrama penuh	32	35	40	40	14	54
Agama	32	41	53	35	20	55
Khas	3	3	3	4	–	4
Vokasional	57	57	4	–	–	–
Teknik	9	9	80	64	26	90
Sukan	–	–	–	2	–	2
<b>Enrolmen</b>	1,366,068	1,651,684	1,998,781	1,477,562	740,317	2,217,879
Harian	1,298,712	1,555,868	1,878,063	1,373,278	697,996	2,071,274
Asrama penuh	19,317	22,664	23,996	24,830	8,224	33,054
Agama	17,348	24,187	35,133	25,089	13,975	39,064
Khas	–	603	664	599	–	599
Vokasional	24,845	42,484	1,261	–	–	–
Teknik	5,846	5,878	59,164	52,716	20,122	72,838
Sukan	–	–	500	1,050	–	1,050
<b>Bilangan Guru</b>	72,455	88,408	113,249	90,665	45,933	136,598
Harian	66,336	79,280	102,128	80,509	41,744	122,253
Asrama penuh	1,925	2,377	2,559	2,473	829	3,302
Agama	1,132	1,799	2,650	1,998	1,126	3,124
Khas	101	108	141	164	–	164
Vokasional	2,570	4,393	153	–	–	–
Teknik	391	451	5,498	5,365	2,234	7,599
Sukan	–	–	120	156	–	156
<b>SEKOLAH SWASTA</b>						
Bilangan sek. rendah dan meneng swasta	125*	201*	251	–	–	244
Bilangan sekolah antarabangsa	–	–	29	–	–	32
Bilangan sekolah ekspatriat	–	–	10	–	–	14
Enrolmen sekolah swasta	62,229*	93,559*	82,091	–	–	91,166
Enrolmen sekolah antarabangsa	–	–	5,069	–	–	10,663
Enrolmen Sekolah Ekspatriat	–	–	1,753	–	–	2,180
Bilangan Guru Sekolah Swasta	2,414*	–	5,613	–	–	6,238
Bilangan Guru Sekolah Antarabangsa	–	–	648	–	–	1,338
Bilangan Guru Sekolah Ekspatriat	–	–	172	–	–	249
*Termasuk sekolah antarabangsa dan ekspatriat **Termasuk sekolah ekspatriat						



**Jadual 1d: Bilangan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, Enrolmen dan Guru 1990-2005**

Perkara	1990	1995	2000	2005		Jumlah
	Jumlah	Jumlah	Jumlah	Bandar	Luar Bandar	
<b>SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN</b>						
Bilangan Sekolah Rendah	–	–	–	–	–	17
Bilangan Sekolah Menengah	–	–	–	–	–	77
Enrolmen Sekolah Rendah	–	–	–	–	–	2,702
Enrolmen Sekolah Menengah	–	–	–	–	–	23,321
Bilangan Guru	–	–	–	–	–	2,352

### Sekolah Teknik

- Bilangan sekolah teknik dan vokasional berjumlah 66 pada tahun 1990 dan meningkat menjadi 90 sekolah teknik (semua sekolah vokasional ditukar menjadi sekolah teknik) pada tahun 2005, iaitu pertambahan sebanyak 24 buah sekolah atau 73.3 peratus.
- Enrolmen bertambah 42.1 peratus daripada 30,691 (1990) kepada 72,838 (2005).

KPM telah dapat meningkatkan akses dan ekuiti dalam sistem pendidikan yang ditunjukkan melalui kadar penyertaan iaitu 96.0 peratus untuk sekolah rendah, 84.4 peratus untuk sekolah menengah rendah dan 71.7 peratus untuk sekolah menengah atas pada tahun 2005 (Jadual 2). Di samping peningkatan dalam kadar penyertaan dan penyediaan akses dalam pendidikan, isu ekuiti telah diberikan perhatian, contohnya penyediaan infrastruktur asas telah disediakan di kebanyakan sekolah. Daripada jumlah keseluruhan 9,629 buah sekolah rendah dan menengah, hanya 767 buah atau 10.1 peratus sekolah rendah dan 28 buah atau 1.4 peratus sekolah menengah yang masih tidak dilengkapi bekalan elektrik 24 jam.

Jadual 2: Indikator Pendidikan Bagi Sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan 1990 –2005

Indikator Pendidikan	1990	1995	2000	2005		
				Bandar	Luar Bandar	Jumlah
<b>Lokasi</b>						
Kadar Penyertaan Peringkat Rendah (%)	93.2*	94.0	95.0	-	-	96.0*
Kadar Penyertaan Peringkat Menengah rendah (%)	83.0	83.0	85.0	-	-	84.4
Kadar Penyertaan Peringkat Menengah atas (%)	49.1	55.8	72.6	-	-	71.7
Purata Saiz Kelas Rendah	33.2	33.5	31.4	34.1	27.9	31.0
Purata Saiz Kelas Menengah	33.6	34.4	33.8	32.4	32.1	32.3
Nisbah Guru:Murid Rendah	20.4	20.1	19.1	18.4	14.6	16.5
Nisbah Guru:Murid Menengah	18.9	18.7	17.7	16.3	16.1	16.2

**Jadual 3: Bilangan Sekolah, Enrolmen dan Guru di Sekolah Pendidikan Khas 1995-2005**

Sekolah Pendidikan Khas	1995		2000		2005	
	Rendah	Menengah	Rendah	Menengah	Rendah	Menengah
Bilangan Sekolah	26	3	28	3	28	4
Bilangan Kelas	268	63	298	67	288	68
Enrolmen	2387	603	2107	664	1809	599
Guru	477	108	503	141	565	164
Bilangan Program Integrasi	159*	54*	400	164	635	338
Enrolmen Program Integrasi	3379*	989*	7127	3061	11557	6778

\* Perangkaan Tahun 1996

Dari segi pencapaian akademik, pelajar Malaysia menunjukkan pencapaian cemerlang dalam kajian antarabangsa berkaitan Sains dan Matematik iaitu *Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS) 2003*. Berbanding kajian yang sama pada tahun 1999, kedudukan pencapaian pelajar Malaysia dalam Matematik meningkat dari tempat ke-16 ke tempat ke-10 dan mendahului 40 buah negara lain termasuk negara-negara maju seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand. Bagi Sains pula, kedudukan Malaysia meningkat dari tempat ke-22 ke tempat ke-20 dan mendahului 30 buah negara lain termasuk Norway dan Itali.

KPM terus berusaha menyediakan pendidikan khas kepada orang kurang upaya (OKU). Sehingga 2005, KPM telah membina 28 buah sekolah rendah pendidikan khas dan 4 buah sekolah menengah pendidikan khas (Jadual 2.3). Selain itu, program pendidikan khas integrasi juga disediakan di sekolah-sekolah harian bagi membolehkan lebih ramai OKU mendapat pendidikan formal. Program ini meningkat daripada 564 pada tahun 2000 kepada 973 pada tahun 2005 atau 72.5 peratus. Dalam tempoh yang sama, lebih ramai pelajar dapat ditempatkan iaitu daripada 10,188 kepada 18,335 atau 80.0 peratus.

Dalam tempoh 15 tahun lalu, pendidikan teknik dan vokasional telah mengalami perubahan ketara. Pada tahun 1990 hingga 1995, sekolah menengah vokasional (SMV) telah bertambah daripada 57 kepada 69 buah yang melibatkan pertambahan enrolmen 17,639 (71.0%) pelajar dan lebih 1,823 (71.0%) guru (Jadual 2.4). Manakala, sekolah menengah teknik (SMT) berjumlah 9 buah dengan enrolmen hampir 5,900.

**Jadual 4: Bilangan Sekolah, Enrolmen dan Guru Sekolah Vokasional dan Teknik 1990 - 2005**

Pendidikan Teknik dan Vokasional	1990		1995		2000		2005
	Vok	Teknik	Vok	Teknik	Vok	Teknik	Teknik
Bilangan Sekolah	57	9	69	9	4	80	90
Bilangan Kelas	1,040	187	1,688	174	33	2,075	2,686
Enrolmen	24,845	5,846	42,484	5,878	1,261	59,164	72,838
Guru	2,570	391	4,393	451	153	5,498	7,599

Sejajar dengan keperluan meningkatkan tenaga kerja sains dan teknikal, langkah telah diambil untuk meningkatkan bilangan pelajar yang mempunyai asas kukuh dalam Matematik, Sains dan mata pelajaran teknikal. Antara tahun 1995 hingga 2000, sebanyak 65 SMV telah ditukar menjadi SMT. Dalam RMKe-8, penstrukturan semula sekolah menengah vokasional (SMV) kepada SMT telah dilaksanakan sepenuhnya. Penstrukturan semula ini meningkatkan enrolmen SMT dan pada masa yang sama mengekalkan aliran vokasional dan kemahiran yang ditawarkan. Aliran teknikal melahirkan pelajar yang mempunyai asas kukuh dalam mata pelajaran teknikal dan sains manakala aliran vokasional dan kemahiran membekalkan pelajar dengan kemahiran asas untuk mendapatkan pekerjaan. Pada tahun 2005, terdapat 90 buah SMT dengan enrolmen 72,838.

Selaras dengan perkembangan teknologi semasa, KPM telah memperkenalkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau *Information and Communication Technology (ICT)* dalam pendidikan yang meliputi aspek prasarana, pengisian dan latihan guru. KPM telah melaksanakan pelbagai projek ICT dengan pembekalan komputer sebagai aktiviti utama penyediaan infrastruktur ICT.

#### **i. Projek Rintis Sekolah Bestari**

Sekolah Bestari merupakan satu Aplikasi Perdana Koridor Raya Multimedia dan pelaksanaannya menekankan penggunaan ICT sebagai pengupaya pedagogi dan pengurusan sekolah. Projek ini dirintis pada tahun 1999 hingga 2002 di 88 buah sekolah yang mana 82 buah adalah sekolah sedia ada dan enam buah dibina baru iaitu SMK Putrajaya 1, SK Putrajaya 1, SK Putrajaya 2, SMK Seri Bintang Utara, SK Seri Bintang Utara dan SK Seri Bintang Selatan. Sekolah-sekolah ini dilengkapi kemudahan ICT termasuk 5,809 komputer dan 261 pelayan. Komputer digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Sistem Pengurusan Sekolah Bestari digunakan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan serta menyokong pengajaran dan pembelajaran.

#### **ii. SchoolNet**

Projek SchoolNet merupakan projek penyediaan prasarana jalur lebar untuk capaian ke internet di semua sekolah bagi tujuan mengatasi jurang digital. Sehingga tahun 2005, 9,285 sekolah telah dirangkaikan.

#### **iii. Projek MySchoolNet**

Projek ini dilaksanakan bagi membudayakan penggunaan internet dalam pengajaran dan pembelajaran melalui pembangunan laman web yang menyediakan bahan sumber pendidikan untuk pelajar, guru dan pentadbir sekolah seperti modul pengajaran dan pembelajaran, perisian, sukatan pelajaran, berita, forum dan program kolaboratif.

#### **iv. Makmal Pengkomputeran**

Projek ini menyediakan makmal komputer dan membekalkan komputer serta pelayan kepada sekolah. Sehingga 2005, sebanyak 5,037 sekolah telah disediakan makmal komputer dan dibekalkan 133,000 komputer dan 4,700 pelayan.

#### **v. TV Pendidikan (TVP)**

KPM meneruskan perkhidmatan TVP bagi membantu pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Sebelum tahun 2000, penyiaran TVP dibuat melalui RTM menggunakan pancaran terrestrial. Mulai tahun 2000, TVP dipancarkan melalui saluran ASTRO yang menggunakan satelit. Rancangan TVP dibangunkan berasaskan kurikulum dan sehingga tahun 2005, sebanyak 77 program disediakan. Sebanyak 9,500 sekolah dibekalkan lebih 11,700 set televisyen.

#### **vi. Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI)**

PPSMI diperkenalkan pada tahun 2003 secara berperingkat dimulai dengan Tahun 1, Tingkatan 1 dan Tingkatan 6 rendah. Untuk menjayakan projek ini, sekolah dibekalkan dengan komputer riba, Projektor LCD, skrin, troli, TV dan pencetak.

#### **vii. Mata Pelajaran ICT**

KPM memperkenalkan mata pelajaran *Information and Communication Technology*, Grafik Berkomputer, Produksi Multimedia, *Fundamentals of Programming*, *Program and Development Tools*, Pemesinan Berkomputer, Aplikasi Komputer dalam Perniagaan, Animasi dan Rekabentuk Penerbitan, Penerbitan Multimedia Kreatif, Sistem Sokongan Komputer, Sistem Sokongan Rangkaian dan Program Literasi ICT bagi memperluas literasi komputer, pengajaran dan pembelajaran berbantu komputer dan memupuk insan celik teknologi, budaya kreatif dan inovatif.

#### **viii. Latihan ICT untuk Guru**

Pelaksanaan ICT dalam pendidikan memerlukan guru yang berkemahiran dalam ICT. Sehubungan itu, KPM telah menyediakan pelbagai program latihan untuk meningkatkan kemahiran guru. Sehingga tahun 2005, seramai 200,000 guru telah dilatih dalam ICT.

#### **ix. Projek Pengkomputeran Pengurusan**

Projek ini menyediakan sistem aplikasi dan infrastruktur ICT untuk menyokong sistem pengurusan KPM. Projek RMKe-8 meliputi Rangkaian KPMNet, Aplikasi Sistem Pentadbiran, Aplikasi Pengurusan Pendidikan, Pembangunan Sistem Penyediaan Infrastruktur, Sistem Pengurusan Maklumat Pendidikan (EMIS) dan Sistem Pemantauan Perancangan Sekolah. Pelaksanaan Aplikasi Pendaftaran Peperiksaan atas talian dimulakan pada tahun 2003 bagi mempercepatkan proses pendaftaran peperiksaan.

## 6.0 PROGRAM SOKONGAN PENDIDIKAN

Program sokongan adalah program atau skim yang diwujudkan bagi membantu pelajar lebih bersedia dari segi fizikal dan mental untuk meningkatkan kecemerlangan dalam bidang kurikulum dan kokurikulum dan meminimumkan kadar keciciran terutamanya pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah. Ini juga bersesuaian dengan dasar Pendidikan Wajib yang diperkenalkan oleh Malaysia.

Antara program sokongan yang sedia ada ialah;

- Kemudahan Asrama Sekolah
- Skim Pinjaman Buku Teks
- Program Bersepadu Sekolah Sihat
- Program Pemakanan Sekolah termasuk Rancangan Makanan Tambahan dan Program Susu Sekolah
- Program Bimbingan dan Kaunseling
- Biasiswa
- Bantuan Pendidikan Bagi Pelajar Pendidikan Khas
- Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin
- Bantuan One-Off RM120.00
- Skim Baucer Tuisyen

## 7.0 PENDIDIKAN GURU DI MALAYSIA

Bahagian Pendidikan Guru (BPG) di Kementerian Pelajaran Malaysia bertanggungjawab melatih guru-guru untuk keperluan sekolah rendah dan menengah melalui Program Pendidikan Perguruan Praperkhidmatan dan dalam Perkhidmatan. Kesemua program dijalankan adalah untuk memenuhi kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru iaitu melahirkan guru-guru yang bertrampilan tinggi dalam pelbagai bidang, berdaya saing, berakhlak mulia, mengamalkan nilai-nilai murni, berdaya fikir dan cekap teknologi. Ini selaras dengan matlamat KPM yang mensasarkan 100 peratus guru siswazah di semua sekolah menengah dan 50 peratus guru siswazah di sekolah rendah pada tahun 2010. Falsafah Pendidikan Guru Malaysia ialah;

*Guru yang pekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin.*

*Falsafah Pendidikan Guru Malaysia*

Malaysia mempunyai 27 buah maktab perguruan yang melatih guru-guru sekolah rendah. Mulai tahun 2004, 27 buah Maktab perguruan telah dinaiktaraf menjadi Institut Pendidikan Guru (IPG) bagi melatih guru peringkat ijazah sarjana muda bagi keperluan guru sekolah rendah.

IPG juga menyediakan kursus dalam perkhidmatan iaitu latihan kepada guru-guru yang sedang berkhidmat di sekolah rendah dan menengah. Program ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan profesionalisme keguruan di kalangan guru seiring dengan perkembangan pendidikan yang global.

Selain dari IPG, latihan perguruan juga dilaksanakan oleh pihak Universiti melalui Fakulti Pendidikan masing-masing. Guru-guru yang di latih di Universiti adalah bagi keperluan sekolah menengah.

## **8.0 INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI**

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) merupakan kementerian yang bertanggung jawab dalam mencorakkan pendidikan tertiar di Malaysia. Ini meliputi Institusi Pengajian Tinggi Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti. Sehingga kini, Malaysia mempunyai 20 buah Universiti iaitu;

- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Universiti Malaya (UM)
- Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Universiti Sains Malaysia (USM)
- Universiti Utara Malaysia (UUM)
- Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
- Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
- Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- Universiti Darul Iman Malaysia (UDM)
- Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
- Universiti Malaysia Sabah (UMS)
- Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
- Universiti Malaysia Pahang (UMP)
- Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
- Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

Selaras dengan teras kedua Misi Nasional, bagi melahirkan modal insan yang memiliki minda kelas pertama untuk menghadapi cabaran pembangunan ekonomi yang berlandaskan ilmu pengetahuan dan inovasi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah menggubal Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara dengan visi untuk mentransformasikan pengajian tinggi dalam konteks menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa. Transformasi ini merupakan peletakan asas ke arah kegemilangan dan kelestarian pengajian tinggi melangkaui tahun 2020. Transformasi yang diperlukan menuntut perubahan yang drastik untuk merevolusikan pengajian tinggi supaya dapat meletakkan asas yang kukuh untuk pembangunan dan

perkembangan sektor ini dalam jangka masa panjang. Transformasi ini juga merupakan kesinambungan falsafah pendidikan seperti yang dinyatakan dalam Akta Pendidikan 1996 untuk melahirkan modal insan yang seimbang, harmoni, berpengetahuan dan berakhlak mulia.

Matlamat pengajian tinggi ialah untuk menghasilkan graduan yang berpengetahuan dan kompeten dalam bidang pengajian serta berkemampuan untuk menggunakan pengetahuan kepada amalan. Di samping itu, graduan perlu berinovatif, mempunyai kebolehan kognitif yang tinggi (berfikiran analitikal dan kritikal, berupaya menyelesaikan masalah dan penaakulan), menguasai pelbagai bahasa dan keupayaan berkomunikasi dengan berkesan serta celik teknologi, menghayati nilai-nilai murni sebagai asas kehidupan, dan mampu untuk memberikan sumbang bakti kepada masyarakat, negara dan dunia.

Selaras dengan itu, IPT mempunyai peranan penting sebagai gedung ilmu dan pembangunan manusia bagi menghasilkan ilmuwan, cendekiawan, kesarjana, pekerja mahir dan separa mahir untuk menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara. Dalam era k-ekonomi, peranan IPT perlu berubah ke arah menyediakan graduan yang berketerampilan melalui pembangunan kurikulum yang relevan, ahli akademik yang berwibawa dan persekitaran akademik yang kondusif untuk pembelajaran berfokuskan pelajar. Di samping itu, IPT terutama IPTS mempunyai peranan yang signifikan dalam usaha pengantarabangsaan dan menjadikan Malaysia sebagai antara destinasi pilihan utama pelajar antarabangsa.

## **9.0 HALA TUJU PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA**

Perancangan strategik yang rapi oleh institusi pengajian tinggi negara penting sebagai panduan hala tuju untuk menjana, menerapkan dan mengeksploitasi ilmu pengetahuan bagi pertumbuhan ekonomi. Hala tuju pengajian tinggi merangkumi aspek tadbir urus universiti, R&D, kualiti pengajaran dan pembelajaran serta pembangunan modal insan selaras dengan Misi Nasional. Kecemerlangan IPT bergantung secara kritikal pada kepimpinan yang berkesan selain daripada budaya kerja yang cemerlang di setiap peringkat bagi mencapai visi, misi, objektif strategik dan hala tuju organisasi tersebut.

Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mempunyai peranan yang kritikal bagi menyediakan landasan ke arah meningkatkan daya saing negara di peringkat global melalui penyampaian pendidikan dan latihan yang berkualiti, berkesan, relevan dan mempunyai komitmen yang tinggi kepada pembelajaran sepanjang hayat. Tenaga kerja masa hadapan dan IPT perlu bersedia menghadapi cabaran globalisasi, persaingan yang sengit dan perubahan teknologi terkini. Berhadapan dengan cabaran tersebut dan berpandukan aspirasi negara serta kekuatan dasar yang sedia ada, KPT menggubal pelan strategik dengan meneliti peranan dan fungsi IPT bagi memartabatkan sistem pengajian tinggi negara.

IPT negara Malaysia dibangunkan melalui dua pendekatan iaitu pendidikan dan latihan yang berjalan secara bersepadu. Pertama, IPT akan terus memperkukuh pembelajaran yang berteraskan pengetahuan, menjalankan penyelidikan yang memberi impak kepada

dunia akademia-industri menerusi konsep elitis serta memberikan perkhidmatan kepada masyarakat yang berterusan. Kedua, membuka laluan pengajian tinggi yang bersifat terbuka dan sepanjang hayat melalui institusi pengajian seperti universiti terbuka, politeknik, dan kolej komuniti. Melalui sistem pengajian tinggi yang bersepadu ini, IPT menyediakan peluang dan ruang yang lebih luas kepada mobiliti pelajar untuk mendapat pendidikan dan latihan. Di samping itu, IPT dapat memenuhi keperluan pasaran kerja dan meningkatkan inovasi.

## **10.0 TRANSFORMASI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA**

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Malaysia digubal merangkumi bidang kuasa di bawah KPT berkaitan dengan peranan dan fungsi IPTA, IPTS, politeknik, kolej komuniti dan agensi berkaitan di bawahnya. Semua institusi ini merupakan komponen utama ekosistem pendidikan dan latihan negara Malaysia yang akan melahirkan para pemikir, ilmuwan, sarjana, tenaga kerja mahir dan separa mahir sesuai dengan peranan masing-masing. Program kursus yang ditawarkan oleh semua institusi berkenaan melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran atau latihan dalam kursus pengajian yang berakhir dengan penganugerahan kelayakan selepas tamat mengikuti dengan jayanya kursus tersebut.

Menerusi ekosistem pengajian tinggi yang lebih fleksibel dan interaktif hasil gabungan modal insan keluaran universiti, kolej universiti, politeknik dan kolej komuniti akan lebih responsif dan berupaya menterjemahkan objektif mutakhir negara melalui penggemblengan kekuatan cendekiawan negara yang merangkumi terutamanya:

- modal insan minda kelas pertama yang mampu menggunakan pengetahuan secara proaktif, kreatif, inovatif dan berkemahiran teknikal serta pengurusan bagi menangani persekitaran global yang berubah-ubah untuk meningkatkan kualiti hidup dan menyumbang kepada kesejahteraan dan kekayaan negara serta sejagat;
- ilmu, idea, kreativiti dan inovasi yang dijana daripada penyelidikan, penyerapan dan adaptasi ilmu sedia ada dari seluruh dunia yang mampu menjadi landasan kemajuan negara dan masyarakat sejagat; dan
- penggemblengan kekuatan kepelbagaian yang mengukuhkan perpaduan, jati diri kebangsaan, keadilan sosial, kesejahteraan negara dan masyarakat sejagat.

Perancangan transformasi pengajian tinggi ini mengambil kira cabaran semasa dan masa hadapan dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang, sama ada di peringkat negara, serantau atau sejagat. Justeru, pengajian tinggi terus memperkukuh pembangunan negara dan bangsa yang mampu untuk membangunkan masyarakat demokratik, adil, progresif, menghormati kepelbagaian, berintegriti, harmoni dan mempunyai jati diri dalam menghadapi cabaran tersebut.

Untuk mencapai matlamat menghasilkan modal insan yang mempunyai minda kelas pertama dalam konteks menjadikan Malaysia hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa, maka langkah-langkah transformasi yang sesuai akan dilaksanakan. Langkah-langkah ini merangkumi usaha untuk menjamin pendemokrasian pengajian tinggi; mempermudah mobiliti pelajar dan menambah baik kualiti pengajaran dan



pembelajaran; membina massa kritikal penyelidik, dan meneruskan usaha melahirkan cendekiawan untuk Nobel Laureate; mewujudkan satu atau dua buah universiti apex yang berautonomi; mempergiatkan pengantarabangsaan pengajian tinggi; masififikasi pembelajaran sepanjang hayat; mempergiat massa kritikal penyelidik dan tenaga pengajar; dan memperkasakan sistem penyampaian KPT.

## 11.0 TUJUH TERAS PELAN STRATEGIK PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA



### Teras Pertama : Meluaskan Akses dan Meningkatkan Ekuiti

Untuk mengembangkan ekonomi berasaskan pengetahuan dan inovasi, Malaysia memerlukan jumlah tenaga kerja mahir dan berpengetahuan yang signifikan. Teras ini menggariskan langkah-langkah peluasan akses ke pengajian tinggi berdasarkan prinsip meritokrasi. Di samping itu, penyertaan dalam pengajian tinggi ditingkatkan melalui kepelbagaian bakat dan keupayaan, memperluas akses melalui kepelbagaian program, kriteria kemasukan terbuka, penambahbaikan prasarana, peluasan penggunaan ICT dan kerjasama dengan agensi lain serta memastikan setiap individu yang telah ditawarkan tempat belajar di IPT tidak dinafikan peluang belajar kerana tidak mempunyai

kemampuan dari segi kewangan. Ini bermakna tidak wujud jurang kelas sosial, gender, umur, etnik, wilayah dan keupayaan fizikal.

### **Teras Kedua : Menambah baik Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran**

Untuk menghasilkan modal insan yang mampu berdaya saing dan berjaya dalam arena kompetitif di pasaran tempatan dan global, kriteria kemasukan pelajar perlu menekankan kualiti dan kelayakan yang diperlukan. Melalui langkah pengukuhan pengalaman pembelajaran individu, penambahbaikan kurikulum, peningkatan kualiti tenaga pengajar dan penyediaan infrastruktur yang fungsional dan mencukupi, graduan yang cemerlang dapat dihasilkan. Dengan ini, graduan bukan sahaja mudah mendapat pekerjaan tetapi mampu berdikari dari segi kerjaya sebagai usahawan dan lain-lain. Teras ini memastikan semua pelajar pengajian tinggi menjadi modal insan yang dapat memanfaatkan pengalaman pembelajaran berkualiti tinggi sejajar dengan tuntutan individu, masyarakat dan negara.

### **Teras Ketiga : Memperteguh Penyelidikan dan Inovasi**

Untuk terus cepat bergerak ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan dan inovasi, jalinan kerjasama di kalangan IPT, institusi penyelidikan, syarikat swasta dan organisasi yang berkaitan perlu diperkukuh. Teras ini bertujuan untuk membangunkan dan memantapkan keupayaan aktiviti penyelidikan di IPT bagi menyumbang kepada Sistem Inovasi Kebangsaan. Strategi ini termasuk membangunkan massa kritikal penyelidik dan korpus ilmu yang mampu membawa Malaysia ke satu tahap pencipta teknologi di peringkat global. Dalam hal ini, jalinan kerjasama perlu dipererat dalam rangkaian Sistem Inovasi Kebangsaan. Ini bukan sahaja memerlukan sumber kewangan yang mencukupi tetapi juga penilaian dan keputusan yang segera bagi membolehkan penggunaan dana secara optimum bagi menjalankan penyelidikan, pembangunan dan inovasi yang berkualiti.

### **Teras Keempat : Memperkasakan Institusi Pengajian Tinggi**

Untuk meningkatkan keupayaan IPT, fungsi dan tanggungjawab yang lebih cekap, telus dan berkesan perlu diterapkan ke arah mewujudkan sistem pengajian tinggi bertaraf dunia. Teras ini bermatlamat untuk meningkatkan kualiti IPT supaya setanding dengan universiti terbaik dunia di dalam program pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan. Di bawah teras ini, langkah untuk memperkasakan kepimpinan IPT, peningkatan tahap profesionalisme fakulti, peningkatan kualiti tenaga pengajar melalui latihan pasca ijazah dan pasca doktoral secara berterusan, penambahan tenaga penyelidik akan dipergiat. IPTA disarankan supaya menjanakan pendapatan sendiri ke arah mencapai autonomi. Pembangunan sumber manusia dan penyediaan prasarana perlu dipertingkatkan bagi memperkasakan IPT. Di samping itu, suasana persekitaran yang kondusif untuk IPTS beroperasi akan diwujudkan.

### **Teras Kelima : Mempergiat Pengantarabangsaan**

Untuk meningkatkan daya saing dan memantapkan kedudukan negara sebagai pemimpin global dalam pembangunan sejagat, Malaysia perlu sentiasa menandingi tahap kecemerlangan tertinggi di dunia melalui kegiatan pengantarabangsaan. Teras ini mempunyai matlamat menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi melalui program pengantarabangsaan seperti pertukaran tenaga akademik, pelajar dan kursus pengajian, kolaborasi penyelidikan dan jalinan kerjasama dengan universiti terkemuka di dunia. Dengan program berkenaan, Malaysia mampu menarik jauh lebih ramai pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian di negara ini yang akan dapat memanfaatkan pelajar tempatan dari segi interaksi, pendedahan dan pengalaman supaya minda pelajar tempatan lebih terbuka, kompetitif dan global. Di samping itu, pelajar-pelajar antarabangsa ini akan menjadi duta global bagi mempertingkatkan imej Malaysia di persada dunia.

### **Teras Keenam : Membudayakan Pembelajaran Sepanjang Hayat**

Untuk berdaya saing di peringkat global, Malaysia perlu mempunyai modal insan yang berupaya memperbaharui ilmu dan kemahiran untuk menangani tuntutan dan cabaran baru. Teras ini bertujuan membudayakan pembelajaran sepanjang hayat (PSH) untuk menyokong pembangunan modal insan selaras dengan keperluan ekonomi berasaskan inovasi dan pembangunan masyarakat berbudaya ilmu. Strategi termasuk meningkatkan promosi, mekanisme dan prasarana terutamanya melalui kemudahan penggunaan ICT bagi memajukan individu dalam pelbagai ilmu dan kemahiran mengikut minat dan kehendak masing-masing. Untuk tujuan itu, insentif dan sokongan pembiayaan perlu disediakan bagi membolehkan individu menambahkan ilmu, mempertajam kemahiran untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing.

### **Teras Ketujuh : Mengukuhkan Sistem Penyampaian Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)**

Untuk mencapai hasil transformasi, sistem penyampaian KPT perlu diperkukuh. KPT perlu mewujudkan jalinan dan kerjasama strategik dengan kementerian lain dan juga mengadakan usaha sama dengan pihak berkepentingan di sektor swasta di dalam dan di luar negara. Dalam hal ini, struktur tadbir urus, budaya, prasarana dan sumber menjadi faktor utama dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan dan pihak berkepentingan (*stakeholders*). Matlamat utama teras ini adalah untuk memberikan lebih fleksibiliti kepada IPT dalam melaksanakan tanggungjawab mereka ke arah mencapai misi dan visi KPT. Ini bermakna fungsi KPT akan beralih daripada kawal selia undang-undang kepada pemudah cara.

## **12.0 INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA (IPTS)**

Pada masa kini, pendidikan merupakan satu aset penting bagi menjamin kehidupan yang lebih baik di masa hadapan. Walau bagaimanapun, tidak semua individu berpeluang berbuat demikian disebabkan bilangan tempat yang terhad, kekangan masa dan kerjaya

dan lain-lain lagi. Justeru, bagi menampung bilangan tempat yang terhad di IPTA, Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) telah berkembang pesat dan memainkan peranan yang penting dan merupakan *supplementary* dan *complementary* kepada institusi pendidikan di Malaysia. Malaysia kini mempunyai 17 buah IPTS bertaraf universiti termasuk Open Universiti Malaysia (OUM) yang merupakan universiti pengajian jarak jauh, 17 buah IPTS bertaraf Kolej Universiti dan hampir 500 buah IPTS bukan bertaraf universiti.

### 13.0 OPEN UNIVERSITY MALAYSIA

Open University Malaysia (Universiti Terbuka Malaysia) atau lebih dikenali sebagai OUM adalah sebuah institusi pendidikan tinggi swasta yang telah ditubuhkan pada 10 Ogos 2000 di bawah Akta IPTS 1996. OUM dimiliki oleh 11 institusi pendidikan tinggi awam, iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). OUM cuba untuk memberi peluang kepada semua lapisan rakyat untuk mencapai cita-cita tanpa mengeneipkan keluarga dan kerjaya.

Kaedah pembelajaran OUM yang unik dan fleksibel membolehkan golongan pelajar dewasa yang bekerja dan berkeluarga merancang pengajian mereka mengikut keperluan masing-masing. Kaedah pembelajaran yang dinamakan Pedagogi Teradun (*Blended Pedagogy*) merupakan gabungan tutorial bersemuka, pembelajaran sendiri dan penyertaan atas talian. Pelajar boleh mengakses bahan-bahan pembelajaran di mana-mana sahaja melalui talian internet. Di samping itu, OUM juga menawarkan peluang yang lebih luas kepada calon-calon yang tidak memenuhi syarat kemasukan biasa. Ini direalisasikan dengan saluran Kemasukan Terbuka (*Open Entry*). Melalui Kemasukan Terbuka ini, pelajar yang mempunyai sijil PMR atau setaraf dengannya, berumur sekurang-kurangnya 21 tahun pada tahun permohonan serta mempunyai pengalaman berkaitan diberi peluang untuk melanjutkan pengajian mereka. Usaha ini adalah selaras dengan hasrat OUM untuk mendemokrasikan pendidikan di samping menambah bilangan modal insan untuk memenuhi keperluan negara. Program-program pengajian yang ditawarkan di OUM adalah menarik dan berdaya saing di pasaran kerja kerana perancangan yang dibuat oleh OUM mengambil kira input dari pihak industri.

OUM sentiasa mementingkan kualiti program pengajiannya. Ini dilakukan dengan memastikan program-program akademik yang ditawarkan mendapat perakuan akreditasi daripada Lembaga Akreditasi Negara (LAN) atau sekarang dikenali sebagai *Malaysian Qualifications Agency* (MQA) dan pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA).

Visi OUM ialah;

- menjadi peneraju dan pelopor dalam pembelajaran terbuka dan jarak jauh.
- Menjadi penyumbang utama dalam pendemokrasian pendidikan.
- Membangunkan pendidikan berkualiti melalui teknologi pembelajaran pelbagai kaedah.
- Meningkatkan pengalaman pembelajaran ke arah mewujudkan masyarakat berasaskan pengetahuan.

### **Kaedah Pembelajaran Di OUM**

Sebagai sebuah universiti jarak jauh yang terkemuka di Malaysia, OUM melaksanakan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pelajarannya. Terdapat 2 kaedah utama pembelajaran di OUM, iaitu *Blended Learning (BL)* dan *Online Learning (OL)*.

#### **a. *Blended Learning (BL)***

Dalam kaedah BL, terdapat 3 komponen utama pembelajaran seperti berikut:

##### **i. *Pembelajaran Urus Kendiri (Self Managed Learning)***

Pembelajaran Urus Kendiri memberi kebebasan kepada pelajar untuk belajar mengikut jadual sendiri. Bahan utama pembelajaran yang dibekalkan adalah modul bercetak yang direka bentuk khas untuk pelajar OUM. Bahan-bahan lain yang dibekalkan (mengikut kesesuaian) termasuk pita video/audio dan CD-ROM.

##### **ii. *Pembelajaran Atas Talian (Online Learning)***

Pembelajaran Atas Talian dijalankan menerusi portal pembelajaran OUM iaitu, myLMS. Menerusi myLMS, pelajar boleh:

- mengakses pemakluman atau informasi yang dimuat naik oleh Unit Kemasukan dan Rekod, Peperiksaan, Pentadbir dan lain-lain lagi menerusi *Announcement*;
- mengakses dan memuat turun bahan-bahan pembelajaran seperti soalan-soalan tugas, modul, i-Tutorial, soalan-soalan peperiksaan lepas dan nota-nota dari tutor menerusi LCMS;
- berinteraksi dan berkomunikasi dengan rakan-rakan dan tutor anda menerusi forum, chat atau emel;
- berkongsi fail dengan rakan atau tutor menerusi *File Management*; dan
- mengakses glosari.

Selain daripada pembelajaran, myLMS juga merupakan saluran kepada perkhidmatan seperti berikut:

- Student Information System
- Digital Library
- E-mel
- Online Helpdesk
- UKR Online
- Exam Online
- *Survei*

iii. **Pertemuan Bersemuka Berjadual (*Face-to-Face Learning*)**

Sesi pertemuan bersemuka adalah perjumpaan yang dikendalikan di bawah bimbingan tutor. Dalam sesi ini, kandungan kursus untuk topik-topik tertentu dibincangkan. Perbincangan diadakan untuk memahami kehendak tugas dan ujian dikendalikan. Sesi perjumpaan ini lazimnya dikendalikan pada hujung minggu, sebanyak 3-5 kali bagi setiap semester.

b. ***Online Learning (OL)***

Kaedah *Online Learning (OL)* merupakan salah satu kaedah pembelajaran yang diperkenalkan oleh OUM untuk memenuhi keperluan pelajar yang sentiasa berubah dan memberi fleksibiliti kepada pelajar. Berbanding kaedah *Blended Learning (BL)* yang melibatkan gabungan pembelajaran sendiri, tutorial bersemuka dan penyertaan atas talian (OLP), kaedah OL bergantung seratus peratus kepada pembelajaran atas talian. Pemilihan kaedah pembelajaran secara OL adalah disebabkan oleh kekangan dari segi kerjaya, peribadi atau masalah tertentu menyebabkan pelajar tidak dapat mengikuti sesi tutorial berjadual.

Sehingga kini, OUM telah berjaya menawarkan sebanyak 8 program di peringkat Diploma, 28 program di peringkat Sarjana Muda, 10 program pengajian di peringkat Sarjana dan 5 program di peringkat Doktor Falsafah. Sebanyak 8 program pengajian ditawarkan menerusi kerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk guru-guru bukan siswazah. Pada masa ini OUM mempunyai enrolmen pelajar berjumlah dalam lima puluh satu ribu orang.

## 14. PENUTUP

Pembangunan sumber tenaga manusia merupakan teras kepada kejayaan sesebuah negara. Dengan tenaga manusia yang terdidik dan terlatih negara akan lebih mudah menghadapi cabaran yang datang. Sektor pendidikan dan latihan adalah penting bagi memastikan sumber tenaga manusia negara Malaysia dilengkapi dengan pelbagai ilmu dan kemahiran. Justeru, Malaysia merancang pelan pembangunan pendidikan secara menyeluruh dan bersepadu bagi memastikan kecemerlangan dan kualiti pendidikan bertaraf dunia agur matlamat Wawasan 2020 Malaysia tercapai.

Menjelang tahun 2020, Malaysia boleh menjadi sebuah negara yang bersatu padu, dengan masyarakat Malaysia mempunyai rasa keyakinan diri, ditunjangi oleh nilai-nilai moral dan etika yang utuh, menikmati kehidupan dalam sebuah masyarakat yang demokratik, liberal lagi bertolak ansur, berbudi, adil dan saksama ekonominya, progresif dan makmur, dan sepenuhnya menguasai ekonomi yang mampu bersaing, dinamik, tangkas serta mempunyai daya ketahanan

*YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad (Melangkah Ke Hadapan, 1991)*

**RUJUKAN**

- Kementerian Pelajaran Malaysia, 2001. Pembangunan Pendidikan 2001-2010. KPM: Pusat Bandar Damansara, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005. Pendidikan di Malaysia: Memartabatkan Kecemerlangan Pendidikan Negara. KPM: Putrajaya.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. KPM: Putrajaya.
- Kementerian Pengajian Tinggi, 2007. Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui 2010. KPT: Putrajaya.
- Kementerian Pengajian Tinggi, 2007. Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara 2007-2010. KPT: Putrajaya.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007. Perangkaan Pendidikan Malaysia 2007. KPM: Putrajaya.

## SENARAI UNIVERSITI AWAM DI MALAYSIA

(LAMPIRAN)

	Nama & Alamat	No. Tel & Faks
01.	 <p><b>Universiti Darul Iman Malaysia (UDM)</b> Kampus Kota, Jalan Sultan Mahmud Kuala Terengganu, 20400 Terengganu <a href="http://www.udm.edu.my">http://www.udm.edu.my</a></p>	Tel : <b>09-6220707</b> Faks : <b>09-6275524</b>
02.	 <p><b>Universiti Islam Antarabangsa Malaysia</b> Jalan Gombak, 53100 Gombak, Selangor <a href="http://www.iiu.edu.my">http://www.iiu.edu.my</a></p>	Tel : <b>03-61964000</b> Faks : <b>03-61964053</b>
03.	 <p><b>Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)</b> 43600 Bangi, Selangor <a href="http://www.ukm.my">http://www.ukm.my</a></p>	Tel : <b>03-89215001</b> Faks : <b>03-89214242</b>
04.	 <p><b>Universiti Malaya (UM)</b> Lembah Pantai, 50603 Kuala Lumpur <a href="http://www.um.edu.my">http://www.um.edu.my</a></p>	Tel : <b>03-79677022</b> Faks : <b>03-79547551</b> E-mel : <b>test@email.com</b>
05.	<p><b>Universiti Malaysia Kelantan (UMK)</b> Karung Berkunci 36, Pengkalan Chepa, 16100 Kelantan <a href="http://www.umk.edu.my">http://www.umk.edu.my</a></p>	E-mel : <b>akademik_umk@hotmail.com</b>
06.	 <p><b>Universiti Malaysia Pahang (UMP)</b> Beg Berkunci 12, Kuantan, 25500 Pahang <a href="http://www.ump.edu.my">http://www.ump.edu.my</a></p>	Tel : <b>09-5492003</b> Faks : <b>09-5492222</b>
07.	 <p><b>Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)</b> Tkt. 11, Bangunan KWSP, Jalan Bukit Lagi, 01000 Kangar, Perlis <a href="http://www.unimap.edu.my">http://www.unimap.edu.my</a></p>	Tel : <b>04-9798008</b> Faks : <b>04-9778011</b>
08.	 <p><b>Universiti Malaysia Sabah (UMS)</b> Beg Berkunci 2073, 88899 Kota Kinabalu, Sabah <a href="http://www.ums.edu.my">http://www.ums.edu.my</a></p>	Tel : <b>088-320203</b> Faks : <b>088-320217</b>
09.	 <p><b>Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)</b> Kota Samarahan, 93400 Kuching, Sarawak <a href="http://www.unimas.my">http://www.unimas.my</a></p>	Tel : <b>082-671000</b> Faks : <b>082- 672 411</b>
10.	 <p><b>Universiti Malaysia Terengganu (UMT)</b> 21030 Mengabang Telipot, Kuala Terengganu, Terengganu <a href="http://www.umt.edu.my">http://www.umt.edu.my</a></p>	Tel : <b>09-6693102</b> Faks : <b>09-6697418</b>



11.		<b>Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)</b> Jalan Slim, 35900 Tanjung Malim, Perak <a href="http://www.upsi.edu.my">http://www.upsi.edu.my</a>	Tel : <b>05-4596200</b> Faks : <b>05-4582773</b>
12.		<b>Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)</b> Kem Sungai Besi 57000 Kuala Lumpur <a href="http://www.upnm.edu.my/">http://www.upnm.edu.my/</a>	Tel : <b>0390512698</b> E-mel : <b>info@upnm.edu.my</b>
13.		<b>Universiti Putra Malaysia (UPM)</b> 43400 Serdang, Selangor <a href="http://www.upm.edu.my">http://www.upm.edu.my</a>	Tel : <b>03-89466000</b> Faks : <b>03-89483244</b>
14.		<b>Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)</b> Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan <a href="http://www.usim.edu.my">http://www.usim.edu.my</a>	Tel : <b>06-7988000</b> Faks : <b>06-7993843</b>
15.		<b>Universiti Sains Malaysia (USM)</b> 11800 Minden, Pulau Pinang <a href="http://www.usm.my">http://www.usm.my</a>	Tel : <b>04-6573987</b> Faks : <b>04-6565401</b>
16.		<b>Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)</b> Karung Berkunci 1200, Ayer Keroh, 75450 Melaka <a href="http://www.utm.edu.my">http://www.utm.edu.my</a>	Tel : <b>06-2332234</b> Faks : <b>06-2332212</b>
17.		<b>Universiti Teknologi Malaysia (UTM)</b> 81310 Skudai, Johor <a href="http://www.utm.my">http://www.utm.my</a>	Tel : <b>07-5575960</b> Faks : <b>07-5579376</b>
18.		<b>Universiti Teknologi MARA (UiTM)</b> 40450 Shah Alam, Selangor <a href="http://www.uitm.edu.my">http://www.uitm.edu.my</a>	Tel : <b>03-55442001</b> Faks : <b>03-55442030</b>
19.		<b>Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)</b> Beg Berkunci 101, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor <a href="http://www.uthm.edu.my">http://www.uthm.edu.my</a>	Tel : <b>07-4537000</b> Faks : <b>07-4536337</b>
20.		<b>Universiti Utara Malaysia (UUM)</b> 06010 UUM Sintok Kedah <a href="http://www.uum.edu.my">http://www.uum.edu.my</a>	Tel : <b>04-9284000</b> Faks : <b>04-9283016</b>

**SENARAI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA YANG BERTARAF  
UNIVERSITI DI MALAYSIA**

	<b>Nama &amp; Alamat</b>	<b>No. Tel &amp; Faks</b>
1	<b>Aimst University</b> Batu 3 1/2, Bukit Air Nasi, Jalan Bedong, Semeling 08100 Bedong Kedah	Tel : 04-4298000 Faks : 04-4422881 Email : <a href="mailto:contactus@aimst.edu.my">contactus@aimst.edu.my</a> Web : <a href="http://www.aimst.edu.my">www.aimst.edu.my</a>
2	<b>Al-Madinah International University (MEDIU)</b> Tingkat 11, Plaza Masalam, No.2 Jalan Tengku Ampuan Zabedah E/9e, Seksyen 9A12 40100 Shah Alam Selangor	Tel : 03-55113939 Faks : 03-55113940 Email : Web :
3	<b>Asia E University (AeU)</b> Blok C, Kampus Kota Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan (KL)	Tel : 03-27732011 Faks : 03-26978812 Email : Web :
4	<b>International Centre For Education In Islamic Finance (InCEIF)</b> 2nd Floor, Annexe Block, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut A12 50350 Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan (KL)	Tel : Faks : Email : Web :
5	<b>Multimedia University (MMU) Kampus Cyberjaya</b> Kampus Cyberjaya, Jalan Multimedia, Cyberjaya 63100 Sepang Selangor	Tel : 03-8312 5018 Faks : 03-83125022 Email : <a href="mailto:ccc@mmu.edu.my">ccc@mmu.edu.my</a> Web : <a href="http://www.mmu.edu.my">www.mmu.edu.my</a>
6	<b>Universiti Antarabangsa Albukhary (Albukhary International University)</b> Kompleks Albukhary, Jalan Langgar, 05460 Alor Setar Kedah	Tel : 04- 7304777 Faks : 04-7305777 Email : <a href="mailto:aiu_kedah@yahoo.com">aiu_kedah@yahoo.com</a> Web :
7	<b>Universiti Industri Selangor (UNISEL) Kampus Berjantai Bestari (KPT/SPIPTS/DFT/US/B18)</b> Kampus Berjantai Bestari Jalan Timur Tambahan A12 45600 Batang Berjantai Selangor	Tel : 03-32897336 Faks : 03-32897335 Email : Web :
8	<b>Universiti Kuala Lumpur (UNIKL)</b> 1016, Jalan Sultan Ismail,(Lot 2526, Seksyen 41, Menara 3, Bandar Wawasan, Jalan Sultan Ismail) 50250 Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan (KL)	Tel : 03-21754000 Faks : 03-21754441 Email : Web : <a href="http://www.unikl.edu.my">www.unikl.edu.my</a>

9	<b>Universiti Perubatan Antarabangsa (International Medical University)</b> Sesama Centre, Plaza Komanwel Bukit Jalil, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan (KL)	Tel : 03-86567228 Faks : 03-86567229 Email : enquiry@imu.edu.my Web : www.imu.edu.my
10	<b>Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (MUST)</b> Unit G133, Ground Floor, Block C, Dataran Usahawan Kelana, 17, Jalan SS7/26, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya Selangor	Tel : 03-78801777 Faks : 03-78801762 Email : admin@must.edu.my Web : www.must.edu.my
11	<b>Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing (Limkokwing University Of Creative Technology)</b> Inovasi 1-1, Jalan Teknokrat 1/1, 63000 Cyberjaya Selangor	Tel : 03-83178888 Faks : 03-83178988 Email : enquiry@limkokwing.edu.my Web : www.limkokwing.edu.my
12	<b>Universiti Teknologi Petronas (UTP)</b> Bandar Seri Iskandar 31750 Tronoh Perak	Tel : 6053688000 Faks : 05-3654075 Email : utp@petronas.com.my Web : www.utp.edu.my
13	<b>Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)</b> Km. 7, Jalan Kajang-Puchong, Kajang 43009 Hulu Langat Selangor	Tel : 03-89212020 Faks : 03-89287166 Email : info@uniten.edu.my Web : www.uniten.edu.my
14	<b>Universiti Terbuka Wawasan (Wawasan Open University College)</b> 51-20 Menara Bhl, Jalan Sultan Ahmad Shah 10050 Pulau Pinang Pulau Pinang	Tel : 04-2289323 Faks : 04-2269323 Email : Web :
15	<b>Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) - Kelana Jaya</b> Kelana Jaya Study Center, 18-5, Jalan SS6/12, Off Jalan Perbandaran, Kelana Jaya Urban Centre 47301 Kelana Jaya, Selangor	Tel : 03-78092100 Faks : 03-76277447 Email : crm@unitar.edu.my Web : www.unitar.edu.my
16	<b>Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) Kampus Kuala Lumpur</b> Jalan Malinja, Off Jalan Genting Kelang 53300 Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan (KL)	Tel : 03-79582628 Faks : 03-79561923 Email : chiayp@mail.utar.edu.my Web : www.utar.edu.my
17	<b>Open University Malaysia (OUM)</b> Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan (KL)	Tel : 03-27732002 Faks : 03-26978824 Email : enquiries@oum.edu.my Web : www.oum.edu.my

